

04 NOV 2000

Larian-Sukan

2.3 JUTA SERTAI LARIAN RAKYAT SUKAN ASIA 2006 DI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Larian Rakyat 2006 yang menjadi simbol sokongan rakyat terhadap usaha Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006, diadakan di seluruh negara hari ini.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein melepaskan ribuan peserta larian terdiri daripada warga kota segenap lapisan masyarakat, di Dataran Merdeka di sini.

Beliau turut mengambil bahagian dalam acara itu yang bermula pukul 8 pagi.

Dianggarkan 2.3 juta orang di seluruh negara menyertai acara larian bukan perlumbaan tersebut.

Keputusan negara mana yang terpilih menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 dijangka diumumkan di Pusan, Korea Selatan pada 12 Nov ini.

Selain Kuala Lumpur, turut berminat menjadi tuan rumah sukan berkenaan adalah Hong Kong, New Delhi (India) dan Doha (Qatar).

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam kata-kata aluan buku cenderamata sempena larian itu, memuji usaha Kementerian Belia dan Sukan menganjurkan acara hari ini.

"Kecemerlangan negara terbukti setelah berjaya menjadi tuan rumah kepada beberapa acara sukan bertaraf antarabangsa. Kejayaan ini meletakkan negara kita setaraf dengan negara-negara yang pernah menjadi tuan rumah acara sukan yang berprestij," kata beliau.

Pada November lepas, kementerian menganjurkan program "Berjalan Untuk Negara," bagi menyatakan sokongan rakyat terhadap usaha negara menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Program itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, disertai lebih dua juta orang di seluruh negara.

Di Sarawak, Larian Rakyat 2006 diadakan di 34 tempat di seluruh negeri membabitkan kira-kira 100,000 peserta, termasuk 10,000 di Kuching.

Peserta acara di Kuching dilepaskan oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud di Padang Merdeka.

Peserta melalui beberapa batang jalan utama sepanjang tiga kilometer termasuk Jalan Tun Abang Haji Openg, Jalan Satok, Jalan Kulas dan Jalan Haji Taha.

Abdul Taib dalam ucapannya berkata kebolehan Malaysia menganjurkan acara terbesar dunia termasuk Sukan Asia 2006 tidak boleh dipertikaikan kerana negara sudah mencapai tahap kebolehan setanding dengan negara maju.

Di NEGERI SEMBILAN, lebih 70,000 orang menyertai Larian Rakyat 2006 di kesemua 32 kawasan Dewan Undangan Negeri.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menyertai kira-kira 3,000 orang peserta larian yang bermula di padang rumah rakyat Kampung Pengkalan Durian, Linggi dan berakhir di Pusat Giat Mara Linggi, Port Dickson.

Ketika berucap pada majlis itu, Mohamed Isa berkata komitmen segenap lapisan masyarakat bersama wakil rakyat mereka menunjukkan kesungguhan rakyat dan kerajaan mahu menjadi tuan rumah pada temasya sukan berprestij itu.

Beliau yakin Malaysia mampu menganjurkan sukan terbesar di peringkat Asia itu berdasarkan keupayaan menganjurkan Sukan Komanwel 1998 lepas.

Di KUANTAN, lebih 5,000 orang menyertai acara yang sama bagi membuktikan sokongan mereka terhadap usaha negara menjadi tuan rumah Sukan Asia.

Mereka dilepaskan di perkarangan Stadium Darul Makmur oleh wakil

Menteri Besar Pahang, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Belia dan Sukan Negeri, Dr Ahmad Shukri Ismail.

Di LANGKAWI, lebih 2,000 penduduk pulau peranginan bebas cukai ini tidak mahu ketinggalan menyertai larian rakyat 2006 yang dilepaskan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Datuk Abu Bakar Taib di Dataran Lang.

Larian itu bermula dari Dataran Lang melalui Jalan Persiaran Putra, Pekan Kuah dan tamat di tempat permulaan sejauh kira-kira enam kilometer.

Di 12 tempat di KEDAH, lebih 100,000 orang menyertai Larian Rakyat 2006.

Di Alor Setar, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Pembangunan Koperasi, Hasan Bulat yang mewakili Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, melepaskan peserta di Stadium Darul Aman.

Kira-kira 10,000 orang memulakan larian dari Stadium Darul Aman, pada 7.30 pagi melalui beberapa jalan di bandar itu sejauh 3.6 kilometer.

Di PERLIS, 20,000 orang menyertai acara itu dari tiga tempat pelepasan dan berakhir di Stadium Utama, Kangar.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim melepaskan dan menyertai larian bagi kawasan parlimen Arau di Dataran Sena Indah manakala Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Mohd Hadzi Nordin melepaskan kumpulan dari parlimen Kangar di Padang Bandaran.

Kumpulan dari kawasan parlimen Padang Besar pula memulakan larian di Sekolah Kebangsaan Kampung Salang yang dilepaskan oleh Exco kerajaan negeri, Ishak Arshad.

Di TERENGGANU, lebih 80,000 orang di tujuh daerah mengambil bahagian.

Di Kuala Terengganu sahaja, lebih 20,000 orang menyertai larian tersebut yang dilepaskan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan negeri, Ismail Dollah Harun.

Di MELAKA, lebih 20,000 orang termasuk para pelajar sekolah menyertai Larian Rakyat 2006 di Padang Pahlawan, Bandar Hilir.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin melepaskan larian itu yang dilakukan serentak di daerah Jasin dan Alor Gajah yang melibatkan kira-kira 8,000 orang yang dilepaskan oleh Pegawai Daerah masing-masing.

Sementara itu, di PULAU PINANG, lebih 10,000 orang menyertai acara larian rakyat Sukan Asia yang diadakan di kelima-lima buah daerah di negeri ini.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon melepaskan kira-kira 2,000 peserta dari daerah Seberang Perai Utara yang diadakan di Komplek Sukan Bertam.

Acara yang bermula pukul 8 pagi itu dimeriahkan dengan acara senamrobik rakyat dan juga hadiah-hadiah cabutan bertuah.

Selain itu, beribu-ribu peserta lagi mengambil bahagian di daerah Seberang Perai Tengah yang berlangsung di Bukit Mertajam, Seberang Perai Selatan di Nibong Tebal serta di Georgetown yang diadakan di Padang Polo dan di Balik Pulau.

Di PERAK, seramai 104,000 orang mengambil bahagian dalam larian itu yang diadakan secara serentak di 17 tempat di semua daerah negeri ini.

Di Ipoh sahaja seramai 5,000 peserta dilepaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Mansuia, Belia dan Sukan Jamil Nasir Rasdi di Stadium Perak di sini.

Di JOHOR BAHRU, kira-kira 10,000 peserta dilepaskan oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman di Dataran Bandaraya di sini.

Seramai kira-kira 100,000 peserta dari 27 lokasi dari seluruh negeri ini menyertai larian yang turut dilepaskan serentak di seluruh negara pagi tadi.

Turut melepaskan peserta larian itu, ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Ling Sik di Padang Majlis Daerah Segamat Selatan dan Pengerusi

Jawatankuasa Perpaduan dan Kebajikan Masyarakat, Datuk S. Balakrishnan di Pasir Gudang.

Di KOTA BAHARU, kira-kira 100,000 peserta di semua jajahan negeri ini turut memberi sokongan terhadap usaha negara menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Kelantan, Saari Salleh berkata Jajahan Kota Baharu mencatat bilangan penyertaan tertinggi seramai 20,000 orang kebanyakan remaja dan pelajar sekolah.

Peserta larian berhimpun di beberapa lokasi sebelum berakhir di perkarangan Stadium Sultan Muhammad Keempat tengah hari ini, katanya ketika ditemui di sini.

Beberapa hadiah cabutan bertuah diadakan sempena larian itu.

-- BERNAMA

AZE HKM RAM NR ZS ZB